



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2022/11/30\_92 (HQ)

### TNB SIASAT KEJADIAN DI KAMPUNG BELUKAR

Kami merujuk kepada laporan kemalangan melibatkan seorang kanak-kanak lelaki meninggal dunia ketika bermain di kawasan simpanan sementara tiang-tiang elektrik bagi tujuan projek di Jalan K16, Kampung Belukar, Changlun Kedah, petang Selasa.

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa serta bersympati dengan keluarga dua lagi kanak-kanak yang sedang menerima rawatan di Hospital Jitra.

TNB sendiri sedang menjalankan siasatan berhubung kejadian tersebut dan bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa yang berkenaan.

Justeru, TNB mengulangi peringatannya kepada orang ramai agar tidak menghampiri tapak kerja dan menyentuh barang-barang binaan bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.

TNB turut menghantar wakil menziarahi keluarga mangsa dan memberikan bantuan yang sewajarnya.

Orang ramai juga dinasihatkan supaya tidak menyebarkan sebarang gambar atau video kejadian ini dan membuat spekulasi, sebaliknya memberi ruang kepada pihak berkuasa menjalankan siasatan di samping menghormati perasaan dan sensitiviti keluarga mangsa.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 30 November 2022, jam 2:00 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*